

MEDIA STATEMENT

IDEAS calls for predictability and better coordination in government pandemic management in light of new MCO

Kuala Lumpur, 11 May 2021 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) has called for more predictability and better coordination in the Malaysian government's current pandemic response to ensure Malaysia's recovery from the pandemic, in light of the announcement made Monday by the Prime Minister expanding the current Movement Control Order (MCO) to the whole of the country from May 12th to June 7th.

IDEAS noted that there seems to be a lack of leadership in decision making, whereby announcements on the MCO are being made last minute and in some instances, reversing previously announced measures. There also needs to be better coordination between the ministries, as some announcements over the MCO often seem to be conflicting.

As noted by IDEAS CEO Tricia Yeoh, "These last minute decisions are detrimental to the planning process of businesses, as business owners including retailers and SMEs need to prepare in advance their logistics, human resources and cashflows. If better planning had been done, at least expectations could be better set by business leaders."

"More transparency in how the government makes its decisions will increase public trust. At the moment, the latter remains low. For example, there was little communication regarding the Hotspot Identification by Dynamic Engagement (HIDE) system to the public, and the moment it was announced these respective locations were ordered shut the very next day. Although it is positive that data is being used to guide public decisions, we would recommend better public education of such programmes and decision-making processes."

IDEAS had previously recommended the adoption of a Pandemic Severity Index as proposed by the Center for Disease Control (CDC), so that there could be a scale of measurements that the public is aware of which would determine when it would be time to scale restrictions up or down according to the severity of the pandemic situation. A tiered approach to the pandemic situation and management would mean that decisions are data-driven, independent, and not arbitrary as is currently the case. At present, the general perception is that decisions are being made on an ad-hoc basis by authorities.

Yeoh states, "IDEAS calls for a collective and multi-partisan approach to Malaysia's pandemic management, including as we've previously suggested, better coordination between the federal authorities and all state and local governments. Predictability is key for economic recovery, which the country desperately needs today. According to data released by Bank Negara Malaysia today, our economy contracted by 0.5% this first quarter. While this is an obvious improvement from the 3.4% contraction seen in the last quarter, there is undoubtedly still a tremendous amount of work for our economy to stabilise and truly recover rapidly in the coming years."

“Ultimately, public trust is crucial when it comes to managing a pandemic of this scale, as evident by the countries which effectively handled their pandemic response such as Taiwan, New Zealand, and Vietnam. Even though the government’s intentions in enforcing these different MCOs may be sincere, it will not matter if the public ultimately refuses to comply due to a lack of trust in their authorities. Rebuilding the public’s trust needs to be prioritised.”

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Amir Ridzuan Jamaludin
Assistant Manager, External Relations
+603 2070 8881/8882
amir@ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

IDEAS menyeru kebolehaman dan koordinasi lebih baik dalam pengurusan wabak oleh kerajaan berikutan pelaksanaan PKP baharu

Kuala Lumpur, 11 Mei 2021 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menyeru kebolehaman dan koordinasi yang lebih baik dalam tindak balas terhadap wabak semasa oleh kerajaan Malaysia untuk memastikan pemulihan, berikutan pengumuman oleh Perdana Menteri pada hari Isnin untuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara meluas ke seluruh negara bermula 12 Mei sehingga 7 Jun.

IDEAS maklum akan situasi yang memberikan gambaran seolah-olah kerajaan kurang kepimpinan dalam membuat keputusan, apabila pengumuman pelaksanaan PKP dilakukan pada saat akhir dan untuk beberapa perkara, menarik semula langkah-langkah yang telah diumumkan. Pihak kerajaan juga perlu mempunyai koordinasi yang lebih baik antara kementerian kerana beberapa pengumuman berkenaan PKP seringkali kelihatan bercanggah.

Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh menyatakan, “Pelbagai keputusan saat akhir ini menjejaskan proses perancangan perniagaan, disebabkan para pemilik perniagaan termasuk peruncit dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) perlu terlebih dahulu melakukan persediaan logistik, sumber manusia, dan aliran tunai. Jika perancangan yang lebih baik dilakukan, sekurang-kurangnya para pemimpin perniagaan akan dapat meletakkan jangkaan yang lebih baik.”

“Proses membuat keputusan kerajaan yang lebih telus akan meningkatkan kepercayaan awam. Pada ketika ini, tahap kepercayaan kekal rendah. Sebagai contoh, komunikasi yang sedikit kepada masyarakat awam berkenaan sistem *Hotspot Identification by Dynamic Engagement* (HIDE) dan pada ketika sistem ini diumumkan, lokasi terbabit telah diarahkan ditutup pada keesokan hari. Walaupun penggunaan data untuk memberi panduan dalam membuat keputusan awam merupakan sesuatu yang positif, kami mencadangkan pendidikan awam yang lebih baik untuk program seumpamanya serta proses membuat keputusan.”

IDEAS sebelum ini pernah mencadangkan penggunaan satu Indeks Keparahan Wabak seperti yang disarankan oleh Pusat Kawalan Penyakit (CDC) supaya terdapat satu neraca pengukuran yang diketahui awam agar dapat ditentukan waktu yang sesuai sama ada sekatan perlu ditingkatkan atau dikurangkan berdasarkan kepada keparahan situasi wabak. Satu pendekatan berperingkat terhadap situasi dan pengurusan wabak bermaksud keputusan yang diambil adalah berpandukan data, bebas, dan bukan sewenang-wenangnya sebagaimana sekarang. Persepsi umum ketika ini adalah keputusan yang diambil oleh pihak berkuasa dilakukan secara *ad-hoc* sahaja.

Yeoh berkata, “IDEAS menyeru kepada satu pendekatan pengurusan wabak Malaysia secara kolektif dan melibatkan pelbagai pihak, termasuk sebagaimana yang telah kami cadangkan, koordinasi yang lebih baik antara pihak berkuasa persekutuan dan semua kerajaan negeri serta kerajaan tempatan. Kebolehmamalan merupakan kunci kepada pemulihan ekonomi yang sangat diperlukan negara pada hari ini. Berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia hari ini, ekonomi Malaysia telah mengecut sebanyak 0.5% pada suku pertama tahun ini. Walaupun ini merupakan satu peningkatan berbanding pengecutan sebanyak 3.4% pada suku sebelum ini, masih banyak perkara yang perlu dilakukan untuk menstabilkan ekonomi dan pulih sepenuhnya dengan segera pada tahun-tahun yang akan datang.”

“Akhirnya, kepercayaan awam amat penting dalam pengurusan wabak sebesar ini, sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh negara yang berjaya menangani tindak balas wabak dengan berkesan seperti Taiwan, New Zealand, dan Vietnam. Walaupun pihak kerajaan mungkin tulus dalam pelaksanaan pelbagai PKP ini, hal ini akan menjadi sia-sia jika masyarakat awam enggan mematuhi kerana disebabkan kurang rasa percaya terhadap pihak berkuasa. Membina semula rasa percaya masyarakat awam perlu diutamakan.”

--- TAMAT ---

Mengenai IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Amir Ridzuan Jamaludin
Penolong Pengurus, Perhubungan Luar
+603 2070 8881/8882
amir@ideas.org.my